

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 29 MAC 2015 (AHAD)**

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|-----|--|---------------|
| 1 | Gotong-royong Jom Heboh | Harian Metro |
| 2 | Belanja RM790j untuk penyelidikan | Harian Metro |
| 3 | Melaka, Media Prima wujud kerjasama terbit drama sejarah | Berita Harian |
| 4 | Gempa bumi sederhana landa utara Laut Maluku | Bernama.com |

KERATAN AKHBAR TEMPATAN
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 21
TARIKH: 29 MAC 2015 (AHAD)



DR Abu Bakar dan Johan (tengah belakang) bersama orang ramai di pekarangan Masjid Ar-Rabbani.

Gotong-royong Jom Heboh

Melaka: Kira-kira 1,500 penduduk sekitar Tangga Batu membanjiri Masjid Ar Rabbani Pekan Tangga Batu, di sini, untuk sama-sama meriahkan gotong royong membersih kawasan setempat pada Program Khidmat Masyarakat TV3 sempena Karnival Jom Heboh.

Ketua Pegawai Eksekutif Rangkaian Televisyen Media Prima Berhad Ahmad Izham Omar berkata, program itu dianjurkan di setiap lokasi persinggahan sehari sebelum Karnival Jom Heboh berlangsung.

Beliau berkata, TV3 komited meneruskan tradisi berkenaan untuk membantu dan menyeluruhkan khidmat kepada masyarakat setempat.

"Kali ini kita bekerjasama dengan banyak pihak seperti Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) dan Kariah Masjid

Ar Rabbani Pekan Tangga Batu serta agensi lain seperti Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Persatuan Doktor Gigi Malaysia, Pusat Darah Negara dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bagi memeriahkan lagi program.

"Pada hari ini kami bukan hanya bergotong royong, malah menjalankan aktiviti lain seperti memberi ruang kepada orang ramai untuk menderma darah, memeriksa gigi, demonstrasi kebakaran dan sebagainya bagi mengisi masa pengunjung," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis yang turut dihadiri Ahli Parlimen Tangga Batu Datuk Dr Abu Bakar Md Diah, Pengerusi Media Prima Berhad Datuk Johan Jaaffar dan Ketua Pegawai Operasi Rangkaian Televisyen Media Prima Berhad Seelan Paul, di sini, kelmarin.

KERATAN AKHBAR TEMPATAN
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 5
TARIKH: 29 MAC 2015 (AHAD)

Belanja RM790j untuk penyelidikan



KANAK-KANAK belajar menggosok gigi dengan betul dalam bengkel penjogaan gigi Persatuan Doktor Gigi, semalam.

Melaka: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sehingga Februari lalu membelanjakan sebanyak RM790 juta menerusi peruntukan Rancangan Malaysia Ke-9 bagi tujuan penyelidikan.

Timbalan Menterinya Datuk Dr Abu Bakar Md Diah berkata, peruntukan itu digunakan untuk perbelanjaan 1,934 program penyelidikan yang diluluskan termasuk 494 program yang sudah matang penyelidikannya.

Menurutnya, dari 2011 sehingga Februari lalu, MOSTI berjaya mengkomersialkan 54 produk inovasi tempatan.

"Sasaran kita adalah mengkomersialkan sebanyak 360 produk inovasi tempatan menjelang 2020 dan 54 produk masih lagi rendah."

"Jadi untuk mencapai sasaran itu, kita perlu mengeluarkan sekurang-kurangnya 60 produk inovasi setiap tahun," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Program Khidmat Masyarakat TV3 sempena Karnival Jom Heboh, di Masjid Ar-Rabbani Pekan Tangga Batu, di sini, kelmarin.

Hadir sama, Pengurus Media Prima Berhad Datuk Johan Jaafar dan Ketua Pegawai Operasi Rangkaian Televisyen Media Prima Berhad Seelan Paul.

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 13
TARIKH: 29 MAC 2015 (AHAD)**



Idris diiringi Fadilah (tiga dari kiri), menunjukkan bakat memasak sambil diperhatikan Johan (kiri), Ahmad Izham (dua dari kiri) dan Chef Ismail (dua dari kanan) ketika mengadakan lawatan ke Karnival Jom Heboh 2015 di pekarangan Stadium Hang Jebat, Krubong, Melaka.

[FOTO MUHAMMAD HATIM AB MANAN/BH]



Kanak-kanak belajar menggosok gigi dengan betul di bengkel perjagaan gigi Persatuan Doktor Gigi di pekarangan masjid Ar-Rabbani Tangga Batu.

[FOTO KHAIRUNISAH LOKMAN/BH]

Melaka, Media Prima wujud kerjasama terbit drama sejarah

Ayer Keroh: Kerajaan Melaka dan Media Prima Berhad (MPB) bercadang memperkuuh kerjasama menerusi penerbitan beberapa siri drama yang berkaitan sejarah negeri ini.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron, berkata ia termasuk sejarah hubungan silam Melaka dengan China, Siam dan Majapahit.

"Cadangan mengenainya diutarakan Pengerusi MPB, Tan Sri Johan Jaaffar dan pada dasarnya saya amat bersetuju dengan cadangan itu.

"Selepas ini kita akan mengadakan perbincangan lanjut dengan MPB dan saya yakin jika disiarkan kelak, Melaka akan lebih dikenali sebagai negeri yang lengkap dengan bahan sejarahnya," katanya selepas melawat Karnival Jom Heboh 2015 di pekarangan Stadium Hang Jebat di sini, semalam, bersama isteri, Datin Seri Fadilah Abdullah.

Yang turut hadir, Johan, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Rangkaian Televisyen MPB, Ahmad Izham Omar dan CEO Rangkaian Radio MPB, Seelan Paul.

Dalam lawatan itu, Idris turut

menyertai beberapa aktiviti yang disediakan pengunjung, termasuk sesi uji bakat pembaca berita selain mengunjungi pameran dan jualan.

Dalam pada itu, lebih 1,500 penduduk setempat membanjiri perkarangan Masjid Ar-Rabbani Tangga Batu Pekan dekat sini, untuk menjayakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) anjuran TV3, kelmarin.

Johan berkata, TV3 bersama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta Kariah Masjid Ar-Rabbani Tangga Batu Pekan mengadakan gotong royong dengan kerjasama beberapa agensi.

Antara agensi terbabit ialah Agensi Antidadah Kebangsaan, Persatuan Doktor Gigi Malaysia, Pusat Darah Negara, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

TV3 turut meraikan anak yatim dari Rumah Anak Yatim Sultan Abdul Aziz Al Haj, Pantai Puteri yang menerima sumbangan berupa set alat tulis selain dihimbullah dengan sesi motivasi bersama finalis Da'i musim kedua.

Perasmian program CSR itu disempurnakan **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi** yang juga Ahli Parlimen Tangga Batu, **Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah**.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 29 MAC 2015 (AHAD)



Gempa Bumi Sederhana Landa Utara Laut Maluku

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.5 pada skala Richter melanda utara Laut Maluku pada 3.50 petang hari Ahad.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan berkata gempa bumi itu berpusat di 136 km barat laut Ternate, Indonesia dan 955 km tenggara Semporna, Sabah.

Gempa bumi itu bagaimanapun tidak menimbulkan ancaman tsunami, kata kenyataan itu.

-- BERNAMA